



Sekretariat Mahasiswa Fakultas Akademi Pengajian Bahasa (SMFAPB) ialah satu badan persatuan yang ditubuhkan bawah pengurusan Hal Ehwal Pelajar fakulti untuk membantu melaksanakan program-program utama fakulti kepada pelajar. SMFAPB juga adalah satu badan persatuan yang menjadi pengantara mahasiswa/i Akademi Pengajian Bahasa dan badan pengurusan fakulti. Antara program-program utama tersebut adalah Pemantapan Destini Siswa (PDS), Majlis Anugerah Dekan (MAD), Malam Pra Graduan (MPG) dan dua program yang berlangsung pada semester yang berasingan yaitu Sukan Antara Fakultas (SAF) dan juga Wirasa. Walaubagaimanapun, SMFAPB juga berjaya menjalankan pelbagai program yang menaikkan kemahiran mahasiswa/i serta menaikkan nama fakulti ke peringkat yang lebih tinggi.

### **Pemantapan Destini Siswa (PDS)**

Sekretariat Mahasiswa Fakultas (SMF) dengan Kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) akan menganjurkan program Pemantapan Destini Siswa pada setiap pembukaan semester. Program ini dilaksanakan adalah untuk memberi pendedahan kepada mahasiswa/i baharu tentang Akademi Pengajian Bahasa serta memupuk dan menaikkan semangat para pelajar untuk memulakan pengajian dibawah pelbagai jurusan dalam Akademi Pengajian Bahasa.

### **Majlis Anugerah Dekan (MAD)**

Sekretariat Mahasiswa Fakultas (SMF) dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) akan menganjurkan Majlis Anugerah pada setiap semester. Program ini dilaksanakan adalah untuk memberi penghargaan kepada mahasiswa/i yang telah menunjukkan kecemerlangan dalam bidang akademik pada semester sebelum semester semasa.

### **Malam Pra Graduan (MPG)**

Sekretariat Mahasiswa Fakultas (SMF) akan menganjurkan Malam Pra Graduan pada setiap semester. Program ini dilaksanakan untuk memberi penghargaan kepada bakal graduan yang telah menunjukkan kecemerlangan dalam bidang kurikulum mahupun kokurikulum sepanjang bergelar mahasiswa/i Akademi Pengajian Bahasa.

### **Sukan Antara Fakulti (SAF)**

Sekretariat Mahasiswa Fakultas (SMF) akan menguruskan Sukan Antara Fakulti pada setiap semester September – Januari. Program ini dilaksanakan untuk melahirkan kelompok mahasiswa/i yang aktif dalam bidang sukan dan rekreasi dan bukan cenderung kepada perkembangan akademik semata-mata. Kelahiran bakat atlet ini dapat menaikkan nama fakulti ke peringkat yang lebih tinggi malah melahirkan mahasiswa/i yang sihat dan aktif.

### **Wirasa**

Sekretariat Mahasiswa Fakultas (SMF) akan menguruskan Sukan Antara Fakulti pada setiap semester Mac – Julai. Program ini dilaksanakan untuk melahirkan kelompok mahasiswa/i yang aktif dalam bidang kesenian dan kebudayaan. Kelahiran bakat ini dapat menaikkan nama fakulti ke peringkat yang lebih tinggi malah melahirkan mahasiswa/i yang holistik dan serba boleh.

Sekretariat Mahasiswa Fakultas Akademi Pengajian Bahasa (SMFAPB) sentiasa komited dalam menjalankan tugas-tugas yang diberikan, mengurus dan menjalankan program-program yang memberi impak positif kepada mahasiswa/i Akademi Pengajian Bahasa. Program-program yang dilaksanakan juga telah memberi kemahiran pengurusan program, dan pelaksanaan program kepada barisan SMFAPB. Justeru, Sekretariat Mahasiswa Fakultas Akademi Pengajian Bahasa (SMFAPB) akan terus melaksanakan program-program yang menaikkan nama fakulti seiring menaikkan kualiti mahasiswa/i Akademi Pengajian Bahasa secara amnya.